



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
MODERN EDUCATION  
(IJMOE)**

[www.ijmoe.com](http://www.ijmoe.com)



**HUBUNGAN ANTARA SIKAP DAN TEKAD KEUSAHAWANAN  
DENGAN MINAT KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN  
PELAJAR DIPLOMA KV MUAR**

*THE RELATIONSHIP BETWEEN ATTITUDE, ENTREPRENEURIAL  
DETERMINATION, WITH ENTREPRENEURIAL INTEREST AMONG KV MUAR  
STUDENTS*

Adila Syahidah Ahmad<sup>1</sup>, Rahimah Jamaluddin<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

Email: gs60675@student.upm.edu.my

<sup>2</sup> Jabatan Pendidikan Sains dan Teknikal, Universiti Putra Malaysia

Email: imah\_upm@upm.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 19.06.2024

Revised date: 16.07.2022

Accepted date: 10.09.2024

Published date: 26.09.2024

**To cite this document:**

Ahmad, A. S., & Jamaluddin, R. (2024). Hubungan Antara Sikap Dan Tekad Keusahawanan Dengan Minat Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Diploma KV Muar. *International Journal of Modern Education*, 6 (22), 267-278.

**DOI:** 10.35631/IJMOE.622020

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



**Abstrak:**

Keusahawanan adalah salah satu bidang yang boleh membantu meningkatkan ekonomi negara. Saban tahun ramai usahawan yang berjaya dan meningkat naik di persada global. Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia berhasrat untuk melahirkan para usahawan muda yang berkemahiran dalam pelbagai bidang melalui program-program yang ditawarkan di Kolej Vokasional (KV). Walau bagaimanapun, peratusan pelajar lepasan KV yang menceburii bidang keusahawanan masih lagi rendah memandangkan pelajar belum diberi pendedahan yang luas dalam bidang keusahawanan. Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji sikap dan tekad keusahawanan dan hubungannya dengan minat keusahawanan dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia ambilan 2021 melalui tiga program iaitu program Seni Kulinari (HSK), Seni Reka Feysen (HFD) dan Kosmetologi (HKM). Kajian tinjauan deskriptif ini melibatkan seramai 51 responden yang dipilih secara rawak. Analisis menunjukkan tahap skala min bagi ketiga-tiga pemboleh ubah iaitu sikap keusahawanan, tekad keusahawanan dan minat keusahawanan adalah tinggi. Hubungan antara sikap dan tekad keusahawanan dengan minat keusahawanan juga tinggi. Hal ini menunjukkan sikap keusahawanan dan tekad keusahawanan perlu di pupuk dan diterap bagi meningkatkan minat pelajar untuk menceburii bidang keusahawanan.

**Kata Kunci:**

Kolej Vokasional, Minat Keusahawanan, Sikap Keusahawanan, Tekad Keusahawanan

**Abstract:**

Entrepreneurship is one of the areas that can help boost the nation's economy. Over the years, the number of successful entrepreneurs has risen globally. Justeru, the Malaysian Ministry of Education, aims to give birth to young entrepreneurs who are skilled in various fields through the programmes offered at the Vocational College (KV). However, the percentage of KV graduates who enter the field of entrepreneurship is still low, given that students have not been given extensive exposure to the field. Therefore, the study is aimed at studying entrepreneurial attitudes and determination and their relationship to entrepreneurship interests among students of the 2021 Malaysian Vocational Diploma through three programmes: Culinary Arts (HSK), Feysen Art Design (HFD), and Cosmetology. (HKM). This descriptive survey involved a total of 51 randomly selected respondents. The analysis showed that the level of the minimum scale for the three variables of entrepreneurship attitude, entrepreneurial determination, and enterprise interest was high. The relationship between entrepreneurial attitude and determination and entrepreneurship interest is also high. It shows that the entrepreneurial attitude and determination of diligence need to be fertilised and applied in order to increase the interest of students in exploring the field of difficulty.

**Keywords:**

Entrepreneurial Attitude, Entrepreneurship Determination, Enterprise Interest, Vocational College

## Pendahuluan

Bidang keusahawanan menjadi salah satu sasaran yang di letakkan kepada lepasan pelajar Kolej Vokasional Malaysia. Adalah diharapkan sebanyak 10% daripada lepasan KV akan menceburi dan menjadi usahawan yang berkemahiran. Proses pembelajaran di Kolej Vokasional (KV) melibatkan 60% aspek kemahiran dan 40% lagi aspek teori yang meliputi kursus seperti Matematik, Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam dan juga kursus Keusahawanan. Kursus ini perlu di ambil oleh pelajar semasa mereka berada di program Diploma Vokasional Malaysia (DVM).

Sehingga tahun 2022, sebanyak 83 buah KV telah beroperasi bagi memberi peluang kepada murid lepasan tingkatan 3 yang ingin menyambung pembelajaran di dalam bidang teknik dan vokasional (TVET). Bidang TVET ini telah mendapat perhatian oleh kerajaan Malaysia dengan memperuntukkan bajet yang besar pada setiap tahun bagi menjayakan program ini. Menurut Menteri Kewangan Malaysia 2022 iaitu Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, sebanyak RM 6.7 bilion diperuntukkan untuk pembangunan TVET.

Bidang kemahiran yang diceburi oleh pelajar KV mempunyai pelbagai manfaat kepada pelajar. Pelajar lepasan KV, boleh menjadi salah seorang usahawan dan tidak perlu menunggu peluang pekerjaan yang wujud serta tidak perlu bersaing dengan lepasan pelajar di IPTA yang lain.

Kerajaan telah melancarkan pelbagai inisiatif untuk menarik minat belia untuk menjadi usahawan. Menurut kajian yang dibuat oleh Kumar dan Kurniawan (2019), kerajaan Malaysia telah meletakkan sekolah dan institusi pengajian tinggi bertanggungjawab untuk melahirkan usahawan yang berkualiti tinggi.

Selain itu, menjelang 2030, kerajaan Malaysia berhasrat untuk menjadi negara keusahawanan. Di dalam Dasar Keusahawanan Nasional 2030, di Teras Startegik 1 : Membudayakan Keusahawanan dalam Segenap Lapisan Masyarakat pada startegi A2 iaitu memantapkan pelaksanaan pendidikan dan kemahiran keusahawanan. Di dalam startegi ini terdapat lima teras utama yang pertama adalah menerapkan nilai dan budaya keusahawanan ke dalam sistem pendidikan bermula dari peringkat sekolah rendah hingga pendidikan tinggi. Kedua meningkatkan kualiti latihan keusahawanan menerusi pensijilan dan akreditasi kurikulum. Seterusnya memasukkan kompenen perantisan keusahawanan dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Startegi keempat pula menyediakan latihan keusahawanan dan sokongan yang berstruktur untuk usahawan dalam kalangan pelajar dan siswazah Bumiputera. Startegi yang terakhir iaitu mengukuhkan kerjasama antara industri/ perniagaan dengan institusi pendidikan/ akademia merangkumi program pementoran dan latihan mengajar. Melalui straregi ini boleh dilihat kerajaan sangat optimis untuk menerapkan bidang keusahawan dengan pelajar sejak dari sekolah lagi. Memupuk minat dari usia muda dapat menarik minat pelajar menceburi bidang ini. Melalui dasar ini, boleh dilihat kerajaan sangat membantu pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan sekaligus boleh memupuk minat pelajar terhadap bidang ini.

Program keusahawanan perlu di beri penekanan supaya pelajar lebih bersedia untuk menjual kemahiran yang mereka perolehi semasa berada di KV. Selain program keusahawanan yang perlu pelajar ikuti, pelajar di KV juga di dedahkan dengan program *school enterprise* dimana ianya melibatkan penghasilan produk mengikut kesesuaian program. Bagi menggalakkan para pelajar menceburi bidang keusahawanan, mereka perlu di beri tunjuk ajar dan penekanan mengenai ilmu keusahawanan.

Apabila pada tahun 2015 KV mula dibangunkan, KV dapat mengeluarkan ramai tenaga mahir, KV menjadikan pelajar keluarannya boleh menjadi usahawan yang berjaya. Kelahiran ramai usahawan dapat membantu ekonomi negara untuk menjadi lebih mampan. Di KV pelajar di dedahkan dengan pengetahuan mengenai keusahawanan dengan pelajar wajib mengambil kursus keusahawanan dan pelajar juga boleh menyertai aktiviti *school enterprise* yang disediakan melalui program masing-masing.

Sikap dan tekad keusahawanan serta minat pelajar terhadap bidang keushawanan masih belum dapat di keluarkan oleh pelajar KV Muar khususnya. Pelajar lepasan KV masih lagi menunggu pekerjaan yang mereka inginkan dan lebih sanggup menukar bidang jika tidak mendapat pekerjaan di dalam bidang penghususan mereka. Hal ini menyebabkan kerugian kepada kemahiran yang mereka pelajari semasa berada di KV. Bidang kemahiran ini jika tidak di amalkan selalu, kebiasannya akan menjadi perkara yang sukar di ingati dalam jangka masa panjang. Justeru kajian ini perlu dilakukan untuk melihat sejauh mana sikap dan tekad keushawanan serta hubungannya dengan minat keusahawanan dalam pelajar KV Muar.

## Objektif kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan meninjau hubungan antara sikap dan tekad keusahawanan dengan minat keusahawanan dalam kalangan pelajar Diploma di Kolej Vokasional Muar. Secara khususnya objektif kajian ini adalah:

- i. Mengenalpasti minat keusahawanan dalam kalangan pelajar Diploma KV Muar.
- ii. Mengenalpasti sikap dan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar Diploma KV Muar.
- iii. Mengenalpasti hubungan antara sikap dan tekad keusahawanan dengan minat keusahawanan dalam kalangan pelajar Diploma KV Muar.

## Soroton Kajian Lepas

### *Sikap Keusahawanan*

Sikap merupakan antara peranan utama yang perlu dibentuk untuk menjadi individu yang berjaya. Menurut Lim Siok Ling (2022) di dalam proses pemilihan kerjaya, sikap individu termasuk personaliti memberi impak kepada pemilihan kerjaya. Hal ini kerana sikap merupakan pengaruh besar dan menjadi daya tarikan seseorang untuk tingkah laku tertentu. Minda pelajar perlu di buka dan di beri input mengenai kelebihan dalam menanam rasa yang baik bagi kerjaya sebagai seorang usahawan. Selain itu, para pelajar juga perlu mempunyai tanggapan yang baik dalam bidang keusahawanan dan percaya bahawa kerjaya ini perlu berlandas kepada nilai-nilai moral dan etika Chen Yen Liang (2016). Justeru, merujuk kepada Nishanti a/p Hari Chandra Rao (2022) sikap menjadi pengaruh dalam membuat sesuatu keputusan untuk memilih bidang keusahawanan, ia juga merupakan faktor yang kuat untuk mendorong pelajar menentukan kerjaya masa hadapan mereka. Di dalam kajian lepas (Al-Jubari, 2019) menyatakan sikap yang lebih terbuka boleh menggalakan keterbukaan seseorang individu menceburι bidang keusahawanan.

### *Tekad keusahawanan*

Tekad merupakan satu pergerakan yang di rancang untuk menjadikan seseorang individu akan melakukan perkara yang mereka menjadi realiti. Tekad keusahawanan juga adalah niat atau tekad yang ada dalam diri pelajar untuk menjadi seorang usahawan kelak. Ia akan terus diikuti oleh keinginan dan keazaman yang kuat untuk menjadi seorang usahawan pada masa hadapan,Muhamad Akhsan & Othman, (2019). Membina tekad dalam diri pelajar perlu bermula dari muda kerana pada usia ini mereka masih dalam perkembangan mencari laluan untuk membina kerjaya dan masa hadapan yang terbaik untuk diri mereka. Matlamat kerajaan di dalam TVET Madani 2024 juga telah merancang pelbagai program melibatkan pelajar dan program usahawan. Hal ini menjadikan bidang usahawan dapat menyediakan banyak peluang serta dapat menyematkan tekad keusahawanan dalam diri pelajar. Di KV yang menawarkan kursus keusahawanan juga memainkan peranan penting. Penilaian terhadap keberkesanannya sesuatu kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam bidang adalah amat penting. Penilaian ini penting dalam memastikan tekad pelajar untuk menjadi usahawan kelak sentiasa sebatи di dalam diri pelajar. Muhamad Akhsan & Othman,(2019)

### *Minat Keusahawanan*

Minat yang positif terhadap sesuatu bidang yang diceburi merupakan kunci kejayaan seseorang. Minat membolehkan individu berusaha sedaya mungkin terhadap sesuatu yang dihajati. Kurangnya minat akan mempengaruhi kesungguhan seseorang dan seterusnya akan

merendahkan prestasi pencapaiannya dalam sesuatu bidang. Minat mempunyai kaitan dengan sikap, yang bermakna seseorang akan melihatnya dengan positif jika pelajar menyukainya Zahari, (2019). Menurut Teori Holland (1985), pilihan kerjaya mesti selaras dengan minat setiap orang kerana ini boleh mengurangkan kadar pertukaran kerja dalam masa yang singkat. Ini menunjukkan bahawa individu yang ingin menjadi seorang usahawan perlu ada minat yang kuat terhadapan bidang keusahawanan supaya boleh menjadikan bidang ini satu pekerjaan yang kukuh dan bertahan lama. Memupuk minat terhadap bidang keusahawanan ini penting untuk pelajar memulakan perjalanan dalam bidang ini. Menurut Zahari, (2019) Bekerja sendiri atau menjadi usahawan merupakan antara jalan penyelesaian kepada isu pengangguran siswazah ini. Oleh demikian, kemahiran keusahawanan harus didedahkan kepada mahasiswa ketika masih berada di universiti untuk memupuk minat dan memberi kemahiran yang diperlukan. Di dalam kajian Zahari (2019) menyatakan disarankan agar pensyarah menanam minat terhadap keusahawanan dengan mempelbagaikan kaedah pembelajaran di dalam kursus keusahawan di di kolej agar boleh menarik minat pelajar untuk menceburi bidang ini.

### **Teori Kognitif Sosial (TKS)**

Teori Kognitif Sosial (TKS) adalah teori yang menunjukkan bahawa sebahagian besar pembelajaran manusia terjadi dalam lingkungan sosial yang dibentuk oleh pengalaman terdahulu. Dengan mengamati kelakuan orang lain, manusia memperoleh pengetahuan, aktiviti, minat, sikap dan kemahiran serta boleh dijadikan rujukan untuk dipelajari sesuatu perkara mengikut kesesuaian. Kemudian individu boleh mengikut contoh yang terdahulu untuk membuat sebarang keputusan yang diambil. Ahmad Bustami, (2017). Di dalam konteks keusahawanan, teori ini mendapat cenderung seseorang individu ke dalam bidang keusahawanan ini bergantung kepada keinginan untuk menjadi seorang usahawan Seman2, (2020). Pengetahuan yang sedia ada daripada individu dapat ditingkatkan melalui minat yang dipupuk oleh persekitaran kepada pelajar. Pengetahuan mengenai bidang ini perlu diperluaskan lagi dan tidak hanya di dalam waktu kelas semata-mata, pelajar perlu didedahkan dengan dunia keusahawanan di luar agar mendapat pengalaman yang banyak dan boleh membawa kepada minat terhadap bidang ini.

### **Metodologi Kajian**

#### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini juga berbentuk kajian kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan deskriptif. Instrumen kajian ini berbentuk soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat responden mengenai sikap keusahawanan, tekad keusahawanan dan minat keusahawanan dalam kalangan pelajar KV Muar.

#### **Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar Tahun 2 DVM yang telah mengambil UES 2012 Keusahawanan di KV Muar bagi ambilan 2021. Ambilan tahun 2021 hanyalah melibatkan program Seni Kulineri, Seni Reka Fesyen dan Kosmetologi iaitu seramai 61 orang. Berdasarkan Jadual persampelan Krejcie & Morgan (1970) iaitu seramai 51 orang daripada populasi seramai 61 orang dipilih sebagai responden kajian.

#### **Instrumen Kajian**

Instrument yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada empat bahagian. Bahagian A mengenai demografi, bahagian B tekad keusahawan, bahagian C sikap keusahawan dan

bahagian D mengenai minat keusahawanan. Soal selidik ini diadaptasi daripada artikel Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Diploma, Zakaria & Musa, (2017). Kesemua soal selidik telah dihantar kepada dua orang panel penilai untuk membuat kesahan muka dan kesahan kandungan. Soal selidik bahagian B iaitu Minat Keusahawanan terdiri daripada 6 item dan diukur menggunakan skala likert 1 hingga 5. Bahagian C iaitu Tekad Keusahawanan 6 item menggunakan skala likert 1 hingga 5. Manakala Bahagian D pula Sikap Keusahawanan juga mempunyai 6 item dan menggunakan skala likert 1 hingga 5.

### **Analisis Data**

Data yang dikumpulkan dianalisis dengan berbantuan perisian SPSS 26.0. Bagi mengkaji tahap tekad keusahawanan, sikap keusahawanan dan minat keusahawanan, ujian deskriptif yang melibatkan min, peratusan dan sisihan piawai dijalankan. Seterusnya bagi melihat hubungan antara sikap dan tekad keusahawanan dengan minat keusahawanan, ujian korelasi Pearson digunakan. Hasil dapatan ditafsir menggunakan interpretasi skor min oleh Pallant (2010).

### **Dapatan Kajian**

Jadual 2 memaparkan dapatan mengenai profil responden. Berdasarkan Jadual 2, bilangan responden lelaki seramai 16 orang (30.8%) dan responden perempuan seramai 35 orang (69.2%). Majoriti responden adalah dalam kalangan pelajar perempuan. Responden terdiri daripada tiga program berbeza iaitu Program Seni Kulinari (HSK) seramai 23 orang (44.2%), Program Seni Reka Fesyen (HFD) seramai 13 orang (25%) dan Program Kosmetologi (HKM) seramai 16 orang (30.8%).

**Jadual 1: Taburan Profil Responden**

Butiran	Latar Belakang	Kekerapan	%
Jantina	Lelaki	16	30.8
	Perempuan	35	69.2
Program	HSK	23	44.2
	HFD	13	25
	HKM	16	30.8
Jumlah		51	100

### **Minat Keusahawanan**

Jadual 3 memaparkan taburan min bagi minat keusahawanan. Min keseluruhan bagi minat keusahawanan pelajar KV Muar adalah 4.32 dengan sisihan piawai 0.28. Jadual 3 menunjukkan 2 item berada pada skor yang tinggi iaitu pada item “Saya bercita-cita untuk menjadi usahawan” dengan nilai min 3.71 (SP 0.50) dan “Saya melibatkan diri di dalam pertandingan melibatkan program keusahawanan” dengan nilai min 3.73 (0.52). Manakala 3 item lagi mencatatkan nilai min tahap sederhana sederhana.

**Jadual 2: Taburan Minat Keusahawanan**

Bil.	Penyataan	Min	Sisihan Piawai
1.	Saya bercita-cita untuk menjadi usahawan	3.71	0.50
2.	Keluarga dan kawan banyak memberi semangat	3.62	0.53
3.	Saya banyak mengumpul bahan-bahan bacaan berkaitan keusahawanan	3.62	0.56
4.	Saya melibatkan diri di dalam pertandingan melibatkan program keusahawanan	3.73	0.52
5.	Saya melibatkan diri di dalam pertandingan melibatkan program keusahawanan	3.40	0.53
Keseluruhan		4.32	0.28

**Tekad Keusahawanan**

Berdasarkan Jadual 4, min keseluruhan bagi Tekad Keusahawanan adalah 4.36 dengan nilai sisihan piawai (0.33). Didapati hanya satu item yang mencatatkan nilai min yang tinggi iaitu 3.92 bagi item nombor empat iaitu "Suka melawat tapak peniagaan kerana saya boleh mendapat idea memulakan perniagaan". Seterusnya 5 item yang lain mencatatkan nilai min dan sisihan piawai di tahap sederhana iaitu antara 3.52 hingga 3.65.

**Jadual 3: Taburan Min Bagi Tekad Keusahawanan**

Bil.	Penyataan	Min	Sisihan Piawai
1.	Suka bergaul dengan dengan usahawan yang berjaya	3.63	0.55
2.	Suka menyertai program sosial kerana saya boleh berjumpa dengan ramai orang	3.54	0.57
3.	Suka bertemu ramai orang terutama sekali orang yang terlibat dalam bidang keusahawanan	3.52	0.54
4.	Suka melawat tapak peniagaan kerana saya boleh mendapat idea memulakan perniagaan	3.92	0.33
5.	Suka mengambil bahagian dalam aktiviti keusahawanan kerana saya dapat belajar dengan usahawan yang berjaya	3.65	0.55
6.	Saya pasti menjadi seorang usahawan yang berjaya	3.58	0.53
Keseluruhan		4.36	0.33

**Sikap Keusahawanan**

Berdasarkan Jadual 5, min keseluruhan bagi Sikap Keusahawanan adalah 4.36 dengan nilai sisihan piawai (0.33). Didapati item yang mencatatkan nilai min yang tinggi iaitu 3.73 bagi item nombor pertama iaitu "Saya sentiasa mengambil tahu hal-hal usahawan.". Seterusnya 5 item yang lain mencatatkan nilai min dan sisihan piawai di tahap sederhana iaitu antara 3.44 hingga 3.71.

**Jadual 4: Tahap Sikap Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar**

Bil	Penyataan	Min	Sisih Piawai
1	Saya sentiasa mengambil tahu hal-hal usahawan.	3.73	0.52
2	Saya yakin keusahawanan menjadikan saya berani membuat keputusan perniagaan.	3.67	0.55
3	Saya yakin keusahawanan mendapat membantu saya berdikari.	3.44	0.57
4	Saya perlu menjadi pakar dalam aktiviti yang diceburi.	3.65	0.52
5	Saya perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan keusahawanan	3.58	0.49
6	Membuat kerja atau projek yang dijalankan dengan sempurna	3.71	0.53
Keseluruhan		4.36	0.30

**Hubungan antara Sikap Keusahawanan dan Tekad Keusahawanan dengan Minat Keusahawanan**

Bagi menjawab objektif yang ketiga, analisis korelasi dijalankan. Jadual 6 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dan tekad keusahawanan dengan minat keusahawanan dalam kalangan pelajar KV. Namun begitu, hubungan yang diperolehi adalah agak rendah iaitu .313\*\* dan .241\*\*. Dapatkan ini menunjukkan bahawa apabila meningkatnya sikap pelajar maka akan meningkatkan minat pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan. Begitu juga dengan tekad keusahawanan, apabila meningkatnya tekad keusahawanan dalam diri pelajar maka ini akan meningkatkan minat pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan.

**Jadual 5: Hubungan antara Sikap dan Tekad Keusahawanan dengan Minat Keusahawanan.**

Minat Keusahawanan	Sikap Keusahawanan	Tekad Keusahawanan
Korelasi Pearson	.313***	.241***
Signifikan (2-tail)	.000***	.000***
N	51	51

### Perbincangan Dapatan Kajian

#### *Minat Keusahawanan*

Dapatan ini memberi petunjuk yang positif bahawa pelajar di KV Muar mempunyai minat untuk menceburi keusahawanan. Oleh yang demikian, minat pelajar ini perlu ditingkatkan dari masa kesemasa bagi membolehkan mereka lebih yakin dan akan menjadi usahawan setelah tamat belajar kelak. Galakan yang diberikan ini secara tidak langsung dapat meningkatkan penyertaan pelajar dalam bidang keusahawanan seperti yang diharapkan oleh dasar Keusahawanan Nasional 2030. Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian oleh Abdul Karim, Ibrahim, & Abdul Hamid, (2019) yang mendapati majoriti persepsi responden terhadap minat pada tahap yang tinggi. Hal jelas menunjukkan bahawa tahap minat pelajar terhadap bidang keusahawanan adalah tinggi dan minat juga dapat membantu pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan tanpa ragu. Minat yang tinggi juga memberi makna bahawa pelajar bersedia dan cenderung untuk menceburi bidang keusahawanan sekiranya mereka diberi pendedahan dan latihan praktikal yang mencukupi. Bagi menerapkan minat yang tinggi kepada pelajar, pihak KV perlu mengadakan pelbagai lagi program yang bersesuaian dengan bidang keusahawanan bagi pelajar melatih diri untuk menjadi usahawan yang berjaya. Selain itu di dalam program yang diambil oleh pelajar boleh diperluaskan pengetahuan kemahiran yang pelajar ada untuk di war-warkan kepada penduduk sekitar agar boleh menggunakan khidmat kemahiran yang pelajar peroleh semasa pengajian untuk menjana pendapatan dan memupuk minat pelajar untuk menjadi usahawan yang berjaya sejak dari KV lagi.

#### *Tekad Keusahawanan*

Bagi keseluruhan tahap tekad keusahawanan pula, juga berada di tahap tinggi. Risiko tidak menjadi halangan apabila seseorang memiliki sifat seorang usahawan, pada kebiasannya individu ini menjadikan risiko sebagai peluang dan ruang untuk mereka menceburi bidang ini. Othman (2019). Tekad keusahawan menjadi salah satu faktor yang penting bagi membezakan seorang usahawan yang berjaya atau tidak. Hal ini melibatkan visi, misi, komitmen keupayaan dan menguruskan risiko yang akan di hadapi oleh seorang usahawan. Dapatan ini selari dengan ,Muhamad Akhsan & Othman (2019) di dalam kajian ke atas tahap tekad keusahawanan pelajar SMKA tinggi dan ini menunjukkan pelajar SMKA mempunyai tekad yang kuat untuk memilih kerjaya sebagai seorang usahawan kelak. Aktiviti berkaitan keusahawanan dan kursus yang ditawarkan oleh KV adalah berketepatan dengan keperluan untuk memupuk tekad keusahawanan dalam diri pelajar KV. Pada usia masih remaja pelbagai usaha perlu dibuat untuk memperluaskan ilmu dan pengetahuan mengenai keusahawanan. Pihak KV boleh membawa industri luar masuk ke dalam program yang ada di KV seperti Institut Keusahawanan Negara (INSKEN). INSKEN mempunyai banyak cabang latihan untuk menjadi usahawan. Melalui

program ini, pelajar akan mendapat lebih banyak pengetahuan serta boleh melebarkan sayap dalam bidang ini.

### *Sikap*

Dapatkan kajian mengenai sikap pula, pada keseluruhan juga pada tahap tinggi. Menurut Lim Siok Ling (2022) di dalam proses pemilihan kerjaya sikap individu, termasuk personaliti memberi impak kepada pemilihan kerjaya. Sikap yang baik dan mejurus kepada berfikiran positif dapat membantu para pelajar ini melihat bidang keusahawanan bukan la satu bidang yang sukar dan berani untuk mencuba sesuatu yang tidak di lakukan oleh orang lain. Kajian yang dijalankan oleh Sahid & Othman, (2022) menyatakan bahawa tahap sikap dalam keinginan pelajar menceburi bidang keusahawanan ini pada tahap yang tinggi. Faktor yang mendorong pembentukan sikap pelajar ini bermula dari sokongan ibubapa dan juga pihak kolej sendiri. Pelajar perlu diberi peluang dan ruang agar mereka dapat mencuba dan mendekatkan diri dengan bidang keusahawanan ini. Penguasaan sikap keusahawanan pelajar itu sendiri akan membuatkan risiko yang akan terjadi akan di tempuh, berkorban masa dan tenaga tidak menjadi masalah untuk mencapai matlamat yang dibuat bagi mengusai bidang ini.

### *Hubungan Antara Tekad Keusahawanan, Sikap Dengan Minat Bidang Keusahawanan*

Dapatkan kajian mengenai hubungan antara tekad keusahawanan, sikap dengan minat bidang keusahawanan, daripada analisis yang telah di jalankan terdapat hubungan yang signifikan yang positif antara kedua-dua pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar. Dapatkan ini menunjukkan tekad dan sikap perlu ada pada pelajar untuk mendorong mereka memasuki bidang keusahawanan dan menjadi seorang usahawan yang berjaya serta boleh membantu negara menjana ekonomi dengan secara tidak langsung. Dalam kajian terdahulu Zakaria & Musa, (2017) mendapati minat pelajar terhadap kerjaya keusahawanan pada tahap yang sederhana kuat. Ini berkemungkinan pelajar cenderung untuk menjana pendapatan sendiri berbanding bekerja dengan sektor-sektor tertentu. Sikap dan tekad ini dapat membantu pelajar untuk terus memilih bidang ini dan di sokong oleh keluarga dan masyarakat sekliling.

### **Kesimpulan dan Cadangan**

Secara kesimpulannya, dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan wujud hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji, tetapi hubungannya sangat rendah. Dapatkan ini menunjukkan sikap dan tekad bukanlah faktor utama yang mendorong untuk pelajar memupuk minat pelajar terhadap bidang keusahawanan ini. Melalui dapatan ini juga berkemungkinan ada faktor lain yang menyumbang kepada minat pelajar terhadap bidang keusahawanan. Antara faktor yang boleh dikaitkan adalah minda keusahawanan. Minda keusahawanan ini perlu dipupuk terlebih dahulu sebelum boleh menarik minat dan tekad pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan.

Selain itu, bidang keusahawanan ini perlu diberi penekanan serta didedahkan dengan kejayaan yang diperoleh oleh tokoh usahawan yang bermula dari bawah hingga la berjaya. Hal ini kerana pada era semua maklumat di hujung jari ini, kejayaan seseorang yang di pamerkan di media teknologi menjadi pemangkin dan suntikan kepada para pelajar untuk mengikuti usahawan tersebut. Seperti teori tingkah laku terancang dalam ketiga- tiga konstruk itu menjadi perihal penting dalam membentuk diri seseorang untuk menjadi seorang usahawan. Hal ini kerana menjadi usahawan perlu di pupuk dan di rancang perkara yang perlu di lakukan sehingga berjaya.

Bidang keusahawanan bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara, tetapi mereka juga membentuk perniagaan dan masyarakat. Dalam menjayakan bidang keusahawanan ini, kawasan persekitaran menjadi faktor utama yang boleh mendorong pelajar untuk minat untuk menceburi bidang ini. Kemahiran yang ada pada pelajar boleh digunakan untuk menawarkan perkhidmatan kepada penduduk setempat. Sebagai contoh pelajar kosmetologi boleh menawarkan khidmat manicure dan pedicure dengan menjadikan pelanggan yang dijemput dari luar kawasan kolej. Perkhidmatan yang diberikan boleh melatih agar pelajar mendapat upah serta memantapkan lagi kemahiran yang dipelajari. Pelajar juga akan dapat menimba pengalaman untuk mengendalikan pelanggan serta berani untuk memulakan perniagaan. Bagi pelajar Seni Reka Fesyen pula, hanya perlu berbekalkan kemahiran menjahit dan alatan yang minima, boleh menjadi seorang tukang jahit dan mengembangkan lagi perniagaan di kawasan Muar ini. Hal ini kerana di Muar ini sendiri perniagaan jahitan baju ini sangat terhad yang ada di butik, kebanyakannya daripada mereka hanyalah bermiaga di rumah masing-masing sahaja. Jika butik banyak di wujudkan dan mengikut kehendak pelanggan, tidak mustahil Muar juga boleh menjadi pengeluar Hub pakaian wanita khususnya.

Sokongan dari pihak kolej juga perlu agar pelajar tidak rasa tersekat untuk membuat proses perniagaan. Program seperti hari terbuka kolej boleh menjadi salah satu galakan kepada pelajar untuk berjinak-jinak didalam bidang keusahawanan. Pelajar boleh berfikiran lebih kreatif dan mengeluarkan produk untuk jualan pada hari tersebut. Disini boleh dilihat pelajar lebih berani untuk bermiaga dan boleh mendorong mereka untuk lebih dekat dengan bidang keusahawanan. Program School Enterprise yang diwujudkan dikolej juga menjadi salah satu program yang boleh menawarkan kepada pelajar untuk menjadi seorang usahawan. Program ini dijalankan diluar waktu PDPC jadi tidak menganggu waktu pembelajaran pelajar. Produk yang dihasilkan boleh dijual melalui koperasi kolej masing-masing. Justeru pelajar boleh menjadi seorang pengeluar produk yang mewakili program masing-masing. Pelbagai inisiatif dan peluang telah diberikan kepada pelajar. Jika peluang ini diambil dengan baik, pastinya lebih ramai pelajar akan menceburi bidang keusahawanan dan menjadi seorang usahawan yang berjaya.

## Penghargaan

Saya mengucapkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua individu yang telah banyak membantu dan memberi nasihat secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses tempoh menyiapkan artikel ini. Terima kasih kepada Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd yang telah memberikan peluang kepada saya untuk menerbitkan artikel ini.

## Rujukan

- Chandra Rao, N. H., & Radin A. Rahman, R. S. A. (2022). Pengaruh Sikap dan Kemahiran Keusahawanan terhadap Keinginan Keusahawanan dalam kalangan Pelajar Universiti Awam. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11), e001909. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1909>
- Chen, Y., Liang, M., Othman Norasmah, Klang, & Kajian Hasil Kajian Mendapati Bahawa Pelajar Ipt. (2016). Tekad Keusahawanan Berunsurkan Minda Kelas Pertama: Satu Kajian Tinjauan Terhadap Pelajar IPT. *Deleted Journal*, 19(1). <https://doi.org/10.17576/personalia.1901.2016.10>
- Chien, T. C., Sahid, S., & Othman, N. (2021). Tahap Nilai Perniagaan Keusahawanan Cina dan Hubungannya terhadap Tingkah Laku Keusahawanan Masyarakat Cina di

Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(3), 91–103. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i3.696>

Daya, T., Tahan Dalam Kalangan, Ibrahim Irmohizam, & Muhammad Hussin Abstrak. (2016). Tahap Daya Tahan dalam Kalangan Pelajar IPTA di Malaysia dan di Luar Negara. *Deleted Journal*, 19(1). <https://doi.org/10.17576/personalia.1901.2016.08>

Ibrahim, S. S., & Othman, N. (2017). SIKAP, PENGARUH NORMA DAN KAWALAN TINGKAH LAKU DALAM KALANGAN PESERTA PROTUNE NEGERI SELANGOR BERDASARKAN DEMOGRAFI: SATU TINJAUAN AWAL (Attitudes, Subjective Norms and Perceived Behavioural Control Among Selangors' Protune Participants Based On Demographics: An Initial Review). *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, Vol. 7(No. 22), 42–55.

Mageswaran, K., & Othman, N. (2022). Minat Guru Perniagaan dan Ciri Keusahawanan Murid Jurusan Perniagaan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001606. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1606>

Masri, N., Abdullah, A., & Asimiran, S. (2022). Hubungan Faktor Terpilih dengan Tekad Keusahawanan Pelajar di Kolej Vokasional Zon Tengah, Semenanjung Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001508. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1508>

Mohamad, A., Hashim, N., Ku Ishak, A., & Abdullah, S. (2020a). STUDENT ENTREPRENEURIAL THINKING OF MALAYSIAN PUBLIC INSTITUTION OF HIGHER LEARNING AND ITS RELATIONSHIP WITH STUDENTS STUDY FIELD. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5(35), 321–331. <https://doi.org/10.35631/ijepc.5350027>

Mohamad, A., Hashim, N., Ku Ishak, A., & Abdullah, S. (2020b). STUDENT ENTREPRENEURIAL THINKING OF MALAYSIAN PUBLIC INSTITUTION OF HIGHER LEARNING AND ITS RELATIONSHIP WITH STUDENTS STUDY FIELD. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5(35), 321–331. <https://doi.org/10.35631/ijepc.5350027>

Mohd Radzi, N., & A. Ghani, M. F. (2021). Persediaan Program School Enterprise di Kolej Vokasional, Malaysia: Aplikasi Fuzzy Delphi. *Sains Insani*, 6(1), 126–138. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no1.262>

Mohd Zailani Ibrahim, Ramlah Hamzah, & Mohd Ibrahim Nazri. (2014). Tekad Keusahawanan Tani dalam Kalangan Pelajar Sains Pertanian Sekolah Menengah. *Sains Humanika*, 2(4). <https://doi.org/10.11113/sh.v2n4.480>

Nurzulaikha Amran, & Noor. (2021). Hubungan antara Faktor Sokongan Pendidikan dan Minat Pelajar dalam Bidang Keusahawanan. *Research in Management of Technology and Business Vol. 2 No. 1 (2021) 1499–1508*, 2(1), 1499–1508.

Sahid, S., & Othman, N. (2022). Hubungan Sikap dan Tingkah Laku Keusahawanan Terhadap Pemilihan Kerjaya Keusahawanan dalam kalangan Pelajar. [Www.researchgate.net/Publication/359166454](https://www.researchgate.net/Publication/359166454).

Salwani Mohd Daud, & Mohd Safarin Nordin. (2023). *ELEMEN PELAKSANAAN PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN DALAM PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN TVET : SUATU PENELITIAN TERHADAP MASALAH DAN CABARAN*. 20(3). <https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2003.09>

Yusoff, M. F., & Othman, N. (2019). TAHAP CIRI KEUSAHAWANAN DAN TEKAD KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR BIDAYUH, SARAWAK. *International Journal of Modern Trends in Business Research (IJMTBR)*, Volume: 2(Issues: 8), 68–78.